

# سَمِينَةُ عِبَادَةِ كَرْبَانَ

Seminar Ibadat Korban

TAJUK KERTAS KERJA

## DAGING KORBAN: HAK ORANG MISKIN DAN ORANG KAYA

oleh

Yang Mulia Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof

Ketua Pegawai Penyelidik Uagama

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam

إمارة كوتونجيا  
جباة مفة كراجان  
جباة كراجان مبرة كراجان مبرة كراجان

17 ذوالقعدة 1426 / 19 سبتمبر 2005

## **Daging Korban: Hak Orang Miskin Dan Hak Orang Kaya**

Oleh:

Haji Mazanan bin Haji Yusof  
Ketua Pegawai Penyelidik Ugama

### **Pendahuluan**

Daging korban adalah perkara yang berhubung dengan ibadat. Hukum daging korban itu berbeza dari segi memakan, sedekah dan pengagihannya. Jika korban itu korban wajib, maka daging korban wajib itu akan disedekahkan semuanya kepada fakir dan miskin termasuk kulit dan anggota yang lain. Berlainan jika korban itu korban sunat, maka daging korban itu juga akan disedekahkan sebahagiannya kepada fakir dan miskin, sebahagian lagi kepada orang kaya dan sebahagian lagi untuk dimakan oleh orang yang berkorban sekadar mengambil berkat.

Melihat kepada hukum daging korban wajib dan sunat itu, perkara yang berkaitan dengan daging korban tidak lari daripada hukum memakan, mengagih dan menerima daging berkenaan. Maka penjelasan ulama mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan daging korban itu perlu diketahui demi kesempurnaan ibadat korban. Insyallah, kertas kerja ini akan menjelaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan beberapa hukum daging korban, termasuk hak-hak orang fakir dan miskin serta hak-hak orang lain terhadap daging korban.

### **Hukum memakan Daging Korban**

Hukum memakan daging korban tertakluk kepada kategori daging korban tersebut sama ada daging korban itu korban wajib atau korban sunat.

Orang yang berkorban wajib, haram ke atasnya memakan daging korban itu walaupun sedikit. Begitu juga kepada orang-orang yang di bawah tanggungannya. Jika daging itu dimakannya, wajib diganti kadar yang dimakannya itu, tetapi tidak wajib dia menyembelih binatang lain sebagai ganti. (I'ânah ath-Thâlibîn: 2/521)

Manakala daging korban sunat pula harus bagi orang yang berkorban itu memakannya, dan afdhal memakannya sekadar mengambil berkat (*tabarruk*).

### **Kategori Daging Korban**

Daging korban terbahagi kepada dua kategori iaitu daging korban wajib dan daging korban sunat.

Dalam hal ini terdapat beberapa isu yang perlu diambil perhatian berhubung dengan korban wajib seperti berikut:

#### ❖ Memakan Daging Korban Wajib

Haram atas orang yang berkorban wajib itu memakan daging korbannya walaupun sedikit. Begitu juga kepada orang-orang yang di bawah tanggungannya. Jika dimakannya daging tersebut, wajib diganti kadar yang dimakannya itu, tetapi tidak wajib dia menyembelih binatang lain sebagai ganti. (I'ânah ath-Thâlibîn: 2/521)

Jika daging korban itu ialah korban disebabkan wasiat daripada seseorang yang telah meninggal dunia, maka tidak boleh dimakan dagingnya oleh orang yang diwasiatkan berkorban untuknya dan tidak boleh dihadiahkan kepada orang kaya kecuali ada izin awal daripada si mati. (Al-Mughni al-Muhtâj: 4/290)

#### ❖ Pengagihan Daging Korban Wajib

Wajib semua daging korban itu disedekahkan kepada orang fakir miskin termasuk kulit, tanduk dan kuku. Menurut ulama memadai sedekah itu kepada seorang fakir atau miskin sahaja. (I'ânath-Thalibin: 2/521)

#### ❖ Daging Mentah

Menurut Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* bahawa daging korban yang disedekahkan itu wajib dengan daging mentah baru dan segar. Tidak memadai jika yang disedekahkan itu selain daging seperti kulit, hati dan seumpamanya. (Hawasyai Syarwani Ibnu Qasim ala syarh Tuhfah: 9/423)

Isu-isu yang berkaitan dengan korban sunat pula adalah berikut:

❖ Memakan Sebahagian Daging Korban Sunat

Sunat bagi orang yang berkorban itu memakan sebahagian daripada daging korbannya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

(سورة الحج : ٢٨)

**Tafsirnya:** "Maka makanlah daripadanya dan berilah makan kepada orang-orang yang sangat fakir."

(Surah al-Hajj: 28)

Afdhalnya yang dimakan itu ialah hatinya, kerana telah diriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah memakan sebahagian daripada hati binatang korban Baginda. Tetapi maksud memakan di sini bukanlah bererti dia wajib memakannya.

❖ Menyedekahkan Daging Korban Sunat

Para ulama berpendapat bahawa selain daripada sunat dimakan, wajib pula disedekahkan sebahagian daripada daging korban sunat itu dalam keadaan mentah lagi basah kepada orang-orang fakir atau miskin yang Islam. Begitu juga sunat menghadihkan daging-daging tersebut kepada orang-orang kaya sama ada dalam keadaan daging yang basah dan dimasak sebagaimana disebut dalam kitab *Tuhfah dan Nihayah*.

Ini bererti setiap orang yang berkorban sunat itu wajib menyediakan sebahagian daripada daging korbannya itu untuk disedekahkan kepada orang fakir dan miskin. Tidak memadai jika daging-daging korban itu dihadihkan keseluruhannya kepada orang-orang kaya sahaja.

#### ❖ Afdhal Disedekahkan Semua Daging Korbannya

Afdhal daging korbannya disedekahkan semuanya, melainkan dimakannya sedikit sahaja iaitu kadar beberapa suap untuk mengambil berkat daripadanya, kerana yang demikian itu lebih mendekatkan diri kepada taqwa dan menjauhkan diri daripada sifat mementingkan diri sendiri.

#### **Cara Pembahagian Daging Korban**

Bagi korban wajib, semua daging korban tersebut disedekahkan kepada fakir dan miskin. Manakala korban sunat harus bagi orang yang berkorban itu membahagikan daging korbannya kepada tiga bahagian; satu pertiga untuk dimakan, satu pertiga untuk disedekahkan kepada fakir dan miskin dan satu pertiga lagi untuk dihadiahkan kepada orang lain.

Bahagian satu pertiga daripada daging korban sunat itu wajib disedekahkan kepada fakir dan miskin dalam keadaan mentah lagi basah sekalipun hanya kepada seorang. Tidak memadai daging itu dijadikan makanan kemudian dijemput orang fakir dan miskin untuk memakannya atau dihantar makanan itu kepada mereka, kerana hak orang fakir dan miskin pada daging korban itu adalah memilikinya dalam keadaan daging mentah dan bukan pada memakannya.

#### **Memakan Semua Daging Korban**

Jika orang yang berkorban itu memakan semua daging korbannya dan tidak sedikitpun disedekahkan kepada orang fakir atau miskin, maka wajib ke atasnya mendapatkan daging-daging yang lain mengikut kadar yang wajib disedekahkan sebagai ganti, sekalipun sah korban sunat itu.

#### **Menjadikan Daging Korban Sebagai Hadiah**

Memberikan daging korban sunat sebagai hadiah kepada orang kaya Islam adalah harus sama ada dalam keadaan mentah atau masak. Hadiah itu setakat untuk dimakannya sahaja, bukan untuk tujuan memilikinya. Ini bererti dia tidak boleh menjualnya dan *menghibahkannya* (memberikan kepada orang lain), kecuali beberapa perkara iaitu untuk dimakannya, disedekahkannya kepada fakir atau miskin dan menjamu makan orang kaya dan fakir Islam sahaja. (Kitab Tuhfah al-Muhtaj: 7/422)

Berlainan halnya dengan orang fakir dan miskin, daging yang disedekahkan kepadanya itu adalah menjadi milik mereka. Mereka diharuskan menjual daging tersebut atau *menghibahkan* (memberikan) kepada orang lain. (I'ânah ath-Thâlibîn: 2/522)

### **Menghadiahkan Daging Korban Kepada Orang Kafir**

Memberi atau menghadiahkan daging korban (mentah atau dimasak) kepada orang kafir adalah haram sekalipun kepada kaum kerabat (yang kafir), sama ada ia korban wajib atau sunat walaupun sedikit, kerana korban adalah perkara yang berhubung dengan ibadat. (I'ânah ath-Thâlibîn: 2/522)

### **Daging Korban Dijadikan Jamuan Bagi Fakir Miskin**

Bahagian yang wajib disedekahkan itu hendaklah ia daging yang masih mentah lagi basah. Ini bererti tidak memadai jika bahagian yang disedekahkan itu bukan daging seperti kulit, hati, tanduk dan sebagainya. Begitu juga tidak memadai jika daging tersebut dimasak kemudian dipanggil orang-orang fakir dan miskin untuk memakannya kerana hak fakir dan miskin itu bukan pada makan daging tersebut, tetapi adalah memiliki daging berkenaan dan bukan memilikinya dalam keadaan yang telah dimasak.

### **Berkorban Bagi Pihak Orang Lain**

Melakukan ibadat korban bagi orang yang masih hidup tidak sah melainkan dengan ada izinnya, dan tidak sah juga melakukan ibadat korban bagi orang yang telah meninggal dunia melainkan dengan ada wasiatnya.

### **Daging Korban Dijadikan Upah**

~~Kulit atau daging~~ binatang korban itu haram dijadikan upah kepada ~~penyembelih~~ tetapi harus diberikan kepadanya sebagai sedekah jika ~~penyembelih~~ ~~kepada~~ orang miskin atau sebagai hadiah jika dia bukan orang ~~miskin~~.

## Menjual Daging Dan Anggota Korban Yang Lain

Menjual daging korban sama ada korban wajib atau sunat adalah haram bagi orang yang berkorban dan orang yang menerima daging korban melainkan orang fakir dan miskin. Selain daging termasuk juga kulit, tanduk dan lain-lain anggota binatang korban itu. Tegahan ini berdasarkan riwayat Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ بَاعَ جِلْدَ أُضْحِيَّتِهِ فَلَا أُضْحِيَّةَ لَهُ

(رواه الحاكم)

**Maksudnya:** “Orang yang menjual kulit binatang korbannya, maka tidak (memadai) baginya ibadat korban tersebut”.

(Hadis riwayat Hakim)

Bagi korban sunat, orang yang berkorban boleh sama ada kulit binatang tersebut disedekahkan atau digunakannya sendiri sepertimana dia harus mengambil manfaat daripada binatang itu semasa hidupnya seperti dibuat kasut, sandal, pakaian dan seumpamanya. Tetapi bersedekah adalah lebih afdhal. Manakala bagi korban wajib pula, kulit binatang dan anggota-anggota yang lain wajib disedekahkan. (Mughni al-Muhtaj: 4/367)

## Hukum Memindahkan Daging Korban

Menurut kebanyakan ulama Syafi'iyah, haram memindahkan daging korban dari tempat berkorban itu seperti mana juga zakat, sama ada korban sunat atau wajib. Adapun yang dimaksudkan daripada korban sunat itu ialah bahagian yang wajib disedekahkan kepada fakir miskin.

Adapun memindahkan daging korban dari tempat sembelihan ke negeri yang lain itu adalah berhubungkait dengan hukum menyedekahkan daging korban itu:

1. Jika korban itu adalah korban wajib, semua dagingnya wajib disedekahkan kepada fakir miskin dalam keadaan mentah. Maka haram hukumnya memindahkan daging korban berkenaan dari tempat sembelihan. Inilah pendapat *jumhûr* ulama Syafi'iyah.

2. Jika korban itu korban sunat, sebahagian daripada daging korban itu harus dihadiahkan kepada orang kaya atau dimakan oleh orang yang berkorban. Maka bahagian itu sahaja yang harus dipindahkan ke negeri lain. Manakala bahagian yang wajib disedekahkan kepada fakir miskin, wajib disedekahkan di tempat berkorban itu juga dan haram dipindahkan ke negeri lain. (I'ânah ath-Thâlibîn: 2/380)

### **Kesimpulan**

Hukum memakan daging korban tertakluk kepada niat korban tersebut. Bagi korban wajib ia adalah hak bagi orang fakir dan miskin. Hak mereka bukan terhadap memakan sahaja tetapi menjadikan daging itu sebagai milik yang boleh dijual dan sebagainya. Manakala bagi hak orang kaya hanya pada memakan daging korban sunat dan tidak menjadi milik serta haram menjual dan menghibahkannya kepada orang lain.

Bagi orang yang berkorban pula hendaklah menjelaskan niat korban mereka supaya jelas hukum daging korban itu kerana niat akan menentukan hukum daging-daging korban itu sama ada disedekahkan semuanya, atau sebahagiannya dimakan dan memberikannya sebagai hadiah kepada orang lain. Dengan niat yang jelas itu, setentunya akan menjadikan ibadat korban itu sempurna dan menghasilkan pahala yang berlipatganda.



## **Bibliograpi**

Al-Qur'an al-Karim

Ibn Qasim, *Hasyiah Ibrahim al-Bijuri*, Juz 2, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Khatib Asy-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Juz 4, Beirut: Dar al-Fikr

An-Nawawi, Abi Zakariya Muhy Ad-Din bin Syaraf, *al-Majmuk Syarh al-Muhazzab*, 1421H/2000M, Juz 8, Beirut: Dar al-Fikr

As-Sayyid al-Bakri, Abu Bakr bin Ahmad Syattha ad-Dimyathi, *Hasyiah I'anat ath-Thalibin*, 1419H/1998M, Cetakan Pertama, Juz 2, Beirut: Dar al-Fikr.

Asy-Syarwani dan Ibn Qasim al-'Ubadi, *Hawasyai Asy-Syeikh 'Abd Al-Hamid Asy-Syarwani wa Asy-Syeikh Ahmad Ibn Qasim al-'Ubadi 'ala Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*, 1418H/1997M, Cetakan Pertama, Juz 9, Beirut: Dar Al-Fikr.

Qalyubi dan 'Umairah, *Hasyatan Qalyubi wa 'Umairah*, 1419H/1998M, Cetakan Pertama, Juz 4, Beirut: Dar al-Fikr.